

Muka Depan » Jamiyah permudah pengunjung ekspo hulu derma

## PAMERAN PERKAHWINAN

# Jamiyah permudah pengunjung ekspo hulu derma



*HULUR BANTUAN: Presiden Jamiyah, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar (kiri), menghulurkan habuan kepada salah seorang benefisiari badan itu. - Foto JAMIYAH SINGAPURA*

6 Sep 2018

► ISMAWATI ISMAIL

EKSPLO kegemaran ramai, The Wedding Asia 2018 anjuran MegaXpress International, bermula hari ini dengan badan Islam setempat, Jamiyah Singapura, bakal menjadi benefisiari bagi acara gah ini.

Kehadiran Jamiyah dalam acara ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap pertubuhan itu, yang menyediakan perkhidmatan kebajikan dan sosial kepada warga yang memerlukan, tanpa mengira

**KRAL**

PUMP  
1:1  
EXCHANGE

Pumps for low-sulfur  
fuels!

EXCHANGE NOW →

kaum atau agama.

Menurut Naib Presiden II dan juga Pengerusi Rumah Tumpangan Anak Yatim Jamiyah, Encik Mohamed Yunos Mohamed Shariff, selain ingin mengumpul derma, pihaknya juga telah mengatur pelbagai wadah agar hadirin dan pengunjung mudah menderma tanpa perlu menggunakan wang tunai.

Jamiyah kini menyediakan kaedah sumbangan dalam talian dengan menggunakan aplikasi PayNow dan PayLah. Derma melalui Giro juga disediakan.

Selain itu, sumbangan barangan makanan kering seperti susu tepung bayi, minyak masak, susu pekat, biskut dan makanan lain dialu-alukan bagi acara Jamiyah Food Bank untuk diedarkan kepada keluarga yang memerlukan di Singapura.

Tabung bergerak diadakan sepanjang masa, dan bagi pemberian wang (bagi jumlah tertentu) akan menerima hadiah berupa beg istimewa daripada Jamiyah, sejadah khas dari Makkah dan Madinah serta barangan lain.

Di ekspo ini, Jamiyah juga akan mengatur pelbagai kegiatan untuk orang ramai, antaranya persembahan kumpulan popular Malaysia, Akim & The Majistret, serta selebriti, Khai Bahar.

Artis-artis ini juga bakal melelong barangan peribadi atau memorabilia mereka bagi mengumpul dana untuk acara murni ini. Acara bertemu peminat sambil beramal akan diadakan juga di gerai A19.

Encik Mohamed Yunos menjelaskan lagi, sejak sekian lama, Jamiyah bekerja rapat dengan pelbagai badan kementerian melalui pelbagai projek seperti Rumah Kebajikan untuk kanak-kanak kurang bernasib baik (Darul Ma'wa), orang tua yang memerlukan (Darul Takrim), orang tua yang memerlukan penjagaan kesihatan jangka panjang (Darul Syifaa) dan juga pusat untuk memulihkan bekas pesalah (Darul Islah).

Menariknya, Jamiyah juga merupakan badan Melayu/Muslim pertama yang mempunyai 'Food Bank' atau Bank Makanan yang mengumpul, menyimpan dan mengedarkan makanan kepada keluarga miskin dan memerlukan di sini. Antaranya, melalui program seperti pengagihan daging, makanan 'JamPacked' dan pemberian makanan secara bulanan.

Keterangan lanjut boleh didapatkan dengan melungsuri laman <http://www.jamiyah.org.sg/> atau mengunjungi media sosialnya, Facebook/Jamiyahsg atau Instagram @jamiyahsg atau Youtube: Jamiyah Singapore.